

22/06/2001

Peniaga Melayu tidak sabar untuk jadi kaya

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, satu kelemahan yang ada pada peniaga Melayu ialah mereka tidak sabar untuk menjadi kaya.

Perdana Menteri berkata, kerana mengejar matlamat itu, mereka menjual apa saja peluang dan peruntukan khas yang diberi seperti saham, lesen, permit dan kontrak kepada orang lain bagi mendapat keuntungan serta-merta.

"Selepas itu mereka memohon lagi. Dengan itu, perniagaan yang disertai oleh Bumiputera hanyalah penjualan keistimewaan mereka. Selagi itu berlaku, tidak mungkin Bumiputera mendapat bahagian mereka dalam ekonomi.

"Sepatutnya dengan bantuan kerajaan yang begitu besar, matlamat meningkatkan bahagian Bumiputera kepada 30 peratus daripada ekonomi negara tercapai. Malangnya, orang Melayu dan Bumiputera lain tidak mempunyai budaya perniagaan.

"Walaupun ada yang berjaya sehingga dapat memiliki perniagaan dan perusahaan yang agak besar, majoriti daripada orang Melayu gagal mengekal dan membesarkan perniagaan mereka. Segala bantuan dan peluang gagal menjayakan matlamat sepenuhnya Dasar Ekonomi Baru (DEB)," katanya.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata demikian ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, bagi memastikan saham yang diagihkan kepada Bumiputera terus kekal di tangan mereka, kerajaan terpaksa menubuhkan saham amanah dan pelbagai agensi Bumiputera.

Katanya, melalui cara itu bukan saja saham kekal di tangan Bumiputera dan menyumbang kepada peratusan ekonomi yang dikhaskan bagi mereka, malah lebih ramai Bumiputera dapat memiliki saham dalam syarikat besar.

Beliau berkata, daripada 12 juta Bumiputera, lebih tujuh juta memiliki saham dalam syarikat besar melalui saham amanah.

"Jelaslah bahawa tuduhan yang DEB menguntungkan beberapa kroni kerajaan saja adalah tidak benar. Jika kita hendak memperkayakan kroni adalah mudah bagi kita mengagihkan semua saham kepada mereka saja dan tidak kepada tujuh juta Bumiputera lain.

"Tetapi cara ini tidak memberi peluang kepada Bumiputera membabitkan diri secara langsung dalam pengurusan perniagaan. Mereka akan hanya menjadi `sleeping partner' yang jahil dalam pengurusan perniagaan," katanya.

Beliau berkata, banyak daripada syarikat yang pemilik terbesarnya ialah Pemodalan Nasional Berhad (PNB) tidak cergas kerana PNB juga tidak dapat mengambil bahagian secara langsung dalam pengurusan kebanyakan syarikat yang disertainya.

Ini bermakna, katanya, sampai bila-bila pun orang Melayu akan jahil dalam bidang perniagaan dan ini tidak akan menepati DEB.

Dr Mahathir berkata, oleh sebab itu, kerajaan mengenal pasti tokoh perniagaan Bumiputera yang mencapai kejayaan dalam pengurusan syarikat sendirian atau awam.

Katanya, bilangan mereka tidak ramai dan mereka ini diberi peluang untuk membeli jumlah saham yang lebih besar atau diberi projek kerajaan yang hendak diswastakan.

"Sesiapa saja yang berbakat diberi peluang. Umumnya mereka ini berjaya dalam mengendalikan dan menguruskan perniagaan yang besar ini. Kejayaan mereka ini tidak disenangi oleh orang asing dan oleh beberapa kerat orang

Melayu sendiri.

"Tuduhan dibuat oleh media asing bahawa semua mereka yang diberi peluang adalah kroni kerajaan, tanpa mengambil kira siapa mereka. Ini bermakna tidak akan ada sesiapa pun daripada Bumiputera yang boleh diberi peluang tanpa dituduh menjadi kroni kerajaan," katanya.

Beliau berkata, jika kerajaan tidak hendak dituduh, maka individu Bumiputera tidak boleh diberi peluang sama sekali dalam bidang korporat.

Katanya, jika kerajaan berpuas hati melihat tidak adanya Bumiputera pada peringkat perniagaan besar dalam negara, tidak perlulah kerajaan mendedahkan diri kepada bermacam fitnah dan tohmah dengan memberi peluang kepada tokoh perniagaan Melayu.

"Jualkan saja segala-galanya kepada orang asing dan mereka tidak akan tuduh kerajaan mengamal kronisme. Atau jangan ada penswastan dan teruskan dengan pemilikan kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, setelah 43 tahun berusaha dan berbilion ringgit diperuntukkan selain beberapa bank dan pelbagai dana ditubuhkan, hari ini pencapaian orang Melayu dalam bidang perniagaan dan perusahaan masih rendah.

Katanya, orang Melayu masih berniaga di gerai tepi jalan dan belum pun masuk ke kedai batu manakala bandar-bandar baru di negara ini tidak mencerminkan penduduk berbilang kaum.

"Di bandar-bandar lama, kebanyakan warga kota Melayu hanya terdiri daripada setinggan. Apakah ini disebabkan kerajaan tidak berusaha? Kaum yang tidak diberi bantuan oleh kerajaan jelas berjaya. Kenapakah orang Melayu yang diberi bermacam-macam bantuan tidak berjaya?," katanya.

Perdana Menteri berkata, selagi orang Melayu tidak mahu mengaku bahawa kelemahan yang sebenar berada pada diri mereka sendiri, selagi mereka tidak sanggup membetulkan kesalahan mereka, selama itulah mereka akan gagal dalam perniagaan.

"Hanya yang saya ingin perkatkan ialah mereka yang ingin kaya cepat akan miskin cepat. Dalam dunia dan di akhirat juga, tidak ada yang mudah, tidak ada yang percuma. Hanya mereka yang rajin, tekun, sabar dan jujur saja yang akan berjaya baik dalam bidang ekonomi atau apa jua bidang," katanya.

(END)